



JABATAN AUDIT NEGARA
(National Audit Department)
JALAN CENDERASARI,
50518 KUALA LUMPUR,
MALAYSIA.

Telefon : 03 - 294 6422
Fax : 603 - 293 0264
Kawat : "AUDITNEGARA" K.L
(Cable)

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : AUDIT/IP/147/656/3(15)

Tarikh : 21 Julai 2000

FIELD (Tetuan)

FIELD (alamat seperti di lampiran)

FIELD (u.p. :)

Tuan,

PEKELILING KETUA AUDIT NEGARA BIL. 5/2000
Pengauditan Akaun Badan Berkanun Persekutuan,
Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan
Yang Dikontrakkan

Adalah saya merujuk kepada minit mesyuarat Perjumpaan Ketua Audit Negara dengan Juruaudit Swasta yang diadakan pada 23 Mei 2000. Sebagaimana yang tuan sedia maklum, adalah menjadi hasrat saya agar Jabatan ini dapat memainkan peranan yang lebih besar dalam mengawasi sesuatu badan yang mana akan meliputi keseluruhan aspek prestasi. Selaras dengan ini, penglibatan Jabatan ini dalam kerja-kerja pangauditan akan ditingkatkan. Saya berharap tuan dapat menghulurkan kerjasama dengan mengambil tindakan berikut :-

- (i) Memorandum Rancangan Audit (APM) hendaklah dibincangkan terlebih dahulu dengan pegawai saya sebelum dikemukakan untuk kelulusan pegawai-pegawai yang diberi kuasa menandatangani Sijil/Laporan Audit bagi pihak saya. APM ini hendaklah disedia berdasarkan akaun pengurusan auditee dan diluluskan sebelum sesuatu pengauditan dimulakan;
- (ii) Surat Pengurusan (*Management Letter*) kepada auditee akan ditandatangani oleh pegawai-pegawai Jabatan ini dan akan meliputi juga lain-lain aspek audit yang tidak dijalankan oleh pihak tuan;

(iii) *Exit Conference* akan dipengerusikan oleh saya atau wakil saya. Keputusan ini adalah bagi memudahkan tindakan susulan diambil dan memastikan pihak auditee memberi penekanan kepada isu-isu yang dibangkitkan.


2. Adalah diharapkan kerjasama dan hubungan rapat yang sedia terjalin di antara Jabatan ini dengan pihak tuan dapat dipertingkatkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"AUDIT BERKUALITI MENINGKATKAN AKAUNTABILITI"

Yang Ikhlas,


(Datuk Dr. Hadenan bin Abdul Jalil)
KETUA AUDIT NEGARA